

SURAT SETUJU TERIMA PERKHIDMATAN KEPAKARAN

Rujukan Kami : MPC.100-14/1/21

Tarikh : 19 Mei 2021

Humanology Sdn Bhd

73-3 Amber Business Plaza,
Jalan Jelawat 1,
56000 Kuala Lumpur.

LANTIKAN PERKHIDMATAN PENCERAMAH BAGI PROGRAM MICROLEARNING PROFESSIONAL

TARIKH PROGRAM: JUN - JULAI 2021

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebutharga syarikat tuan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia : Sembilan Belas Ribu Dua Ratus Sahaja (RM 19,200.00)**

2. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam Surat Pekeliling KP MPC Perkhidmatan Kepakaran dan Elaun Lain Bagi Bukan Penjawat Awam, serta berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pegawai program (***Rujuk Terms Of Reference (TOR)***)

3. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat atau pihak puan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat puan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan.

4. Syarikat atau pihak tuan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat atau tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 3 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat atau tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- (c) syarikat atau tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau

melakukan apa- apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;

- (d) syarikat atau tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat atau tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa- apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga Surat ini ditandatangani;
- (f) syarikat atau tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (g) syarikat atau tuan gagal menyempurnakan perkhidmatan/membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran TOR**
- (h) syarikat atau tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *sebut harga/tender;
- (i) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah atau tuan/puan telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat atau tuan digulungkan;
- (k) syarikat atau tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat atau tuan gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (m) syarikat atau tuan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa atau menaikkan nilai tawaran; atau
- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau

keselamatan dan kepentingan negara.

5. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 4, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat atau termasuk kerugian masa hadapan.

6. Syarikat atau puan berhak menolak tawaran sekiranya tidak bersetuju dengan harga atau terma yang telah diberikan oleh pegawai program. Sila maklumkan emel penolakan kepada Unit Perolehan dengan emel kepada Puan Wan Khairunnisa Azmi: khairunnisa@mpc.gov.my atau Cik Jennifer Kavithambigai Panir Silvam: jennifer@mpc.gov.my dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MAHADI HASBULLAH)

Pengurus Kanan
Unit Perolehan
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)